

31 DEC 1996

DR MAHATHIR DAN ISTERI TIBA DI KUALA TERENGGANU

KUALA TERENGGANU, 31 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali tiba di sini pagi ini bagi lawatan dua hari.

Ketibaan mereka dengan pesawat eksekutif kerajaan pada 8.45 pagi disambut oleh Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan isteri Toh Puan Hajah Aishatun Suhaimi, pembesar negeri dan pemimpin parti komponen Barisan Nasional.

Dr Mahathir berehat kira-kira setengah jam di lapangan terbang dan kemudian berlepas dengan helikopter Tentera Udara Diraja Malaysia ke Tasik Kenyir untuk lawatan peribadi.

Perdana Menteri dijadual merasmikan Tahun Melawat Terengganu malam esok.

Beliau dan isteri akan berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas upacara perasmian itu. -- BERNAMA

SBJ MAI